

Program 'Walkabout' capai sasaran

Dorong pemimpin setempat melihat sendiri masalah golongan susah di kawasan mereka

RAJA ALIAS 3 - Bukan sekadar kunjungan ke rumah orang susah, sebaliknya setiap aktiviti turun padang perlu ditanamkan dengan sikap prihatin terhadap masalah dihadapi penduduk.

Justeru, program 'Walkabout' anjuran JKKR Raja Alias Tiga, Persatuan Belia dan Beliawanis Raja Alias Tiga serta Biro Pendidikan Felda raja Alias Tiga bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) seMalaysia perlu dijadikan pemangkin untuk membangkitkan kesedaran terhadap golongan kurang kemampuan.

Timbalan Pengerusi Belia dan Beliawanis Raja Alias Tiga, Hairul Azmi Abd. Rahman berkata, seramai 25 orang terdiri daripada anak-anak yatim dan orang kurang berkemampuan terbabit dengan program berkenaan.

Beliau berkata, kesemua mereka turut menerima sumbangan berbentuk barangan keperluan dan peralatan sekolah.



Peserta dan pertganjung program 'Walkabout' berkumpul selepas selesai program di Felda Raja Alias Tiga.

Lebih menarik, pemimpin setempat turut bersama turun padang, sekali gus dapat melihat sendiri keadaan mereka yang kurang berkemampuan di kawasan mereka untuk diberi perhatian.

"Ini membuktikan kepada masyarakat Felda Raja Alias 3 dan kawasan sekitar-

nya bahawa mereka tidak salah memilih pemimpin mereka pada masa PRU-12 lalu," katanya.

Malah, katanya, kebanyakan mereka yang menerima bantuan tersebut melahirkan rasa terharu dengan kunjungan berkenaan, lebih-lebih kehadiran wakil rakyat untuk menjenguk mereka.

"Program ini bukan hanya lawatan dan sumbangan semata-mata, tetapi dapat membuka mata orang ramai bahawa terdapat masyarakat prihatin terhadap permasalahan yang dihadapi mereka!" katanya kepada *Sinai' Harian* semasa membuat lawatan ke rumah mereka memedukan pada program

berkenaan.

Turut serta, Ahli Parlimen Jempol, Datuk Lilah Yassin; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Serting, Datuk Shamsulkuhar Mohd Deli dan beberapa kakitangan UiTM seMalaysia.

Hairul Azmi berkata, dia berbangga kerana hampir 100 orang warga UiTM na-

dir dan turun padang ke kawasan dipilih.

"Ini juga merupakan tahun ketiga dan aktiviti ini akan diteruskan pada tahun-tahun akan datang," katanya.

Menurutnya, keprihatinan semua pihak sudi membantu mereka yang susah serta anak yatim mendapat keberkatan.